



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

**NAMA KURSUS : ETIKA PROFESIONAL
KOD KURSUS : MPU2223
PEPERIKSAAN : DISEMBER 2021
MASA : 3 JAM**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.
Jawab **satu(1)** soalan sahaja dari **BAHAGIAN C**.
3. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan).
4. Tulis butiran anda sepertimana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
 - i. Nama Penuh Pelajar
 - ii. No. Kad Pengenalan
 - iii. Seksyen Kelas
 - iv. Kod Kursus
 - v. Nama Kursus
 - vi. Nama Pensyarah
5. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
6. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 7 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan.

Baca petikan di bawah. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan.

INTEGRITI DAN KEPENTINGANNYA

Pendefinisian terhadap istilah integriti boleh diklasifikasikan kepada empat perspektif iaitu ketekalan nilai peribadi, komitmen terhadap nilai peribadi, komitmen terhadap nilai komuniti dan komitmen terhadap nilai-nilai murni (Stanford Encyclopedia of Philosophy, 2013). Justeru, integriti juga didefinisikan sebagai kepercayaan terhadap komitmen dan kemampuan seseorang memelihara moral diri tanpa sebarang kompromi (Gross, 2001). Integriti juga menerangkan elemen tingkahlaku pekerja dan kejayaan yang melibatkan urusan yang adil, kejujuran dan kebolehppercayaan di tempat kerja (Mehrabian, 2000).

Integriti perlu dilihat sebagai satu komitmen terhadap prinsip moral yang tinggi dalam memikul dan menjalankan sesuatu tugas sama ada pada peringkat individu atau organisasi. Pada peringkat individu, penghayatan konsep integriti bererti seseorang kakitangan perlu menunjukkan keselarasan di antara apa yang dikatakan dengan apa yang dilakukan, bertindak menurut prinsip moral, etika dan undang-undang, mengutamakan kepentingan umum melebihi kehendak dirinya sendiri dan melakukan kerja dengan kualiti yang bermutu dan tepat. Manakala di peringkat organisasi, penghayatan integriti perkhidmatan terjelma dalam bentuk perumusan dan pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, proses kerja dan pematuhan terhadap amalan terbaik.

Sehubungan itu, kerajaan telah berusaha memperbaiki dan pengukuhan integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Pelbagai dasar telah dilaksanakan oleh kerajaan seperti Dasar Etika Perkhidmatan Awam dan Konsep Perkhidmatan Cemerlang; Dasar Bersih, Cekap dan Amanah, Dasar Nilai dan Etika Dalam Perkhidmatan Awam, Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Perkhidmatan Awam dan Dasar Tonggak Dua Belas. Dasar-dasar ini juga telah dipraktikkan dalam pelbagai program di peringkat organisasi seperti penggunaan tanda nama, piagam pelanggan, penggubalan kod etika kerja, manual kerja, fail meja, sistem pejabat terbuka, modul pengurusan integriti, hari bertemu pelanggan, pusingan kerja dan

penubuhan pasukan pemantau (Ab. Rahman, 2005 & Mazilan et al., 2005). Bagi sektor kerajaan, cabaran membentuk dan mengekalkan integriti perkhidmatan yang baik sememangnya berat untuk dipikul memandangkan saiz organisasi awam dan bilangan kakitangannya yang besar. Tahap kemajuan sesebuah negara tidak hanya diukur oleh indikator ekonomi dan kemampuan berdaya saing, tetapi turut dinilai dari aspek integriti dan moral yang dimiliki oleh organisasi dan masyarakatnya. Ini kerana semua faktor tersebut saling berkaitan dan menyokong antara satu sama lain. Perkhidmatan awam yang telus, profesional dan berintegriti merupakan antara kriteria utama sokongan rakyat kepada perkhidmatan awam.

(Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada artikel *Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum*, Megat Ayop Megat Arifin, Abd. Halim Ahmad)

1. Apakah maksud integriti berdasarkan petikan di atas?
(2 Markah)
2. Berdasarkan petikan di atas, apakah **empat (4)** perspektif pendefinisian terhadap istilah integriti?
(4 Markah)
3. Huraikan **tiga (3)** usaha memperbaiki serta mengukuhkan integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam.
(6 Markah)
4. Kerajaan telah berusaha memperbaiki dan pengukuhan integriti dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam. Bincangkan **empat (4)** cabaran membentuk dan mengekalkan integriti perkhidmatan.
(8 Markah)

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Isu asas dalam hubungan profesional-klien ialah peruntukan tanggungjawab dan autoriti dalam membuat keputusan. Model etika hubungan adalah model tentang agihan tanggungjawab dan autoriti dalam membuat keputusan. Apabila disebut tentang hubungan antara golongan profesional dan klien, perkara yang ditekankan adalah perkhidmatan kepakaran profesional kepada kliennya. Sebagai contoh, pesakit mendapat rawatan daripada doktor yang pakar, peguam yang menyediakan perkhidmatan guaman dan para runding yang memberikan perkhidmatan nasihat kepada pelanggan.

a. Mengapakah klien mesti mempercayai profesional?

(2 markah)

b. Jelaskan **empat (4)** perbezaan di antara Model Agensi dan Model Persahabatan berserta contoh yang sesuai.

(8 markah)

SOALAN 2

Profesional perlu memberi perkhidmatan hanya kepada klien. Kadang kala berlaku hubungan lain yang berlaku secara tidak langsung. Keperluan bagi orang lain juga perlu diberi perhatian. Konflik obligasi berlaku dalam situasi tertentu dalam beberapa situasi. Obligasi kepada pihak ketiga perlu kerana ia selari dengan peranan profesional terhadap masyarakat.

a. Apakah yang dimaksudkan dengan 'tidak mencederakan orang lain' berserta dengan contoh yang sesuai?

(2 markah)

b. Jelaskan **empat (4)** konflik obligasi terhadap klien.

(8 markah)

SOALAN 3

Seseorang profesional perlu memberikan perkhidmatan yang sama kepada masyarakat tanpa mengira jantina, agama, kaum ataupun fahaman politik. Walau bagaimanapun, terdapat juga halangan ataupun faktor dalam memberikan kesaksamaan peluang.

a. Terangkan maksud 'melayan klien tanpa etika' berserta contoh.

(4 markah)

b. Pengkhususan kepakaran mempunyai kaitan bagi menentukan obligasi memberikan perkhidmatan dalam kalangan masyarakat. Jelaskan **tiga (3)** masalah dalam situasi ini.

(6 Markah)

SOALAN 4

Tidak semua profesional ada kemampuan dan minat yang sama perlu menjalankan penyelidikan. Pada wajarnya, setiap golongan profesional sepatutnya perlu membiayai penyelidikan dan reformasi tersebut.

a. Nyatakan maksud penyelidikan dan reformasi.

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** kepentingan reformasi dalam obligasi terhadap profesional berserta contoh.

(6 markah)

SOALAN 5

Isu meniup wisel (*whistle blowing*) bukan sahaja merupakan isu pekerja atau isu majikan tetapi juga isu orang luar. Sejak akhir-akhir ini gejala meniup wisel ini bukan sahaja dilakukan oleh pekerja tetapi juga bekas pekerja.

- a. Mengapakah perbuatan meniup wisel boleh berlaku? Terangkan **dua (2)** sebabnya.

(4 Markah)

- b. Sekiranya mempunyai bukti yang cukup berlakunya pelanggaran etika di dalam sesebuah organisasi, jelaskan **tiga (3)** panduan perlu diambil kira oleh peniup wisel.

(6 Markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan.

Jawab **satu (1)** soalan sahaja. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

Agensi-agensi awam ditubuhkan dengan objektif utama untuk memenuhi keperluan rakyat dan negara. Bagi mencapai objektif tersebut, sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berintegriti tinggi adalah diperlukan supaya dasar-dasar kerajaan dapat dilaksanakan secara berkesan. Kepentingan integriti kepada perkhidmatan awam adalah untuk mewujudkan pentadbiran dan perkhidmatan awam yang cekap dan berdisiplin menerusi penerapan nilai-nilai murni yang dapat mengatasi masalah dan kelemahan dalam pelbagai aspek pemerintahan seperti pengurusan kewangan, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh peraturan, perundangan serta agama. Cadangkan **lima (5)** nilai murni berserta contoh yang boleh diaplikasikan dalam memberikan perkhidmatan kepada klien atau masyarakat.

(30 Markah)

SOALAN 2

Hubungan etika kerja profesional dengan kehidupan manusia digunakan untuk mengawal tingkahlaku ahli profesional dalam bentuk menyuruh melakukannya dan meninggalkan perkara yang mendatangkan kesalahan sama ada di sisi undang-undang negara mahupun statusnya sebagai profesional. Oleh itu, etika kerja profesional merupakan satu landasan kepada masyarakat yang membolehkan teknokrat mengawal tingkahlakunya sendiri serta membolehkan masyarakat sosial mengawasi dan menilai setiap tindak tanduk mereka dari semasa ke semasa. Etika seharusnya dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Keberkesanan prinsip etika terletak pada individu itu sendiri. Tanpa disiplin diri dan kekuatan mental yang tinggi seseorang itu tidak dapat mencapai tahap etika yang dikehendaki. Bincangkan **lima (5)** fungsi kod etika yang boleh dijadikan sebagai panduan dalam mendisiplinkan diri kearah profesional yang lebih beretika.

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT